

Rangsangan Minda 1 

Tujuan: Menentusahkan konjektur tentang titik dalam suatu rantau yang memuaskan ketaksamaan linear.

Bahan: Lembaran aktiviti, kertas graf

Langkah:

1. Bahagikan murid kepada beberapa kumpulan yang sesuai.
2. Setiap kumpulan diberi satu kertas graf dan lembaran aktiviti.
3. Murid diminta melukis garis lurus yang mewakili persamaan linear yang diberikan untuk $-5 \leq x \leq 5$ pada kertas graf dan memplot titik yang terdapat dalam jadual lembaran aktiviti (Contoh 1).



Imbas QR Code untuk menjalankan aktiviti ini.
<http://yakin-pelajar.com/6/Lembaran.pdf>

Titik	Koordinat- y	Nilai $x + 2$	Kedudukan titik (Dari graf)			Titik memuaskan		
			Pada garis lurus	Rantau Atas	Rantau Bawah	$y = x + 2$	$y > x + 2$	$y < x + 2$
$(-5, 4)$	4	$-5 + 2 = 3$		✓			$(4 > 3)$	
$(1, 3)$	3	$1 + 2 = 3$	✓			$(3 = 3)$		
$(0, -2)$	-2	$0 + 2 = 2$			✓			$(-2 < 2)$
$(4, 7)$								
$(-3, 0)$								
$(3, 5)$								

Contoh 1

4. Aktiviti *Stay and Stray* boleh dijalankan agar semua murid berpeluang menerangkan hasil dapatan.

Perbincangan:

Apakah kaitan antara kedudukan titik pada garis lurus, rantau atas atau rantau bawah dengan persamaan linear atau ketaksamaan linear yang diberikan?

Hasil daripada Rangsangan Minda 1, didapati bahawa;

- Semua titik yang berada pada garis lurus memuaskan persamaan $y = mx + c$.
- Semua titik yang berada di rantau atas memuaskan ketaksamaan $y > mx + c$.
- Semua titik yang berada di rantau bawah memuaskan ketaksamaan $y < mx + c$.

Contoh 3

Lukis garis lurus $y = -2x + 6$ untuk $-1 \leq x \leq 5$. Plotkan titik $(1, -2)$, $(4, -2)$, $(0, 1)$, $(1, 4)$, $(4, 3)$ dan $(2, 6)$. Tentukan sama ada titik-titik yang diplot memenuhi $y = -2x + 6$, $y > -2x + 6$ atau $y < -2x + 6$.